



Memperkasakan hubungan serantau adalah kunci untuk mengekalkan momentum pertumbuhan Asia Membangun, ulas Tinjauan Ekonomi bagi Asia Tenggara, China dan India 2016

Kuala Lumpur, 20 November 2015 – Sementara tinjauan untuk kebanyakan negara OECD masih kekal di tahap membimbangkan, Asia Membangun (Asia Tenggara, China dan India) dijangka berkembang teguh – walaupun lebih sederhana berbanding tahun-tahun kebelakangan ini - pertumbuhan dalam jangka masa sederhana, menurut Tinjauan Ekonomi Pusat Pembangunan OECD bagi Asia Tenggara, China dan India. Laporan ini diterbitkan dengan kerjasama Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial untuk Asia dan Pasifik Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Institut Bank Pembangunan Asia.

Pertumbuhan sebenar di Asia Membangun diunjurkan sehingga purata 6.5% bagi tahun 2015 dan 6.2% setiap tahun dalam tempoh 2016-20. Pertumbuhan akan terus perlahan di China sementara kekal kukuh di India pada satu tahap tertinggi dalam rantau ini. Pertumbuhan dalam rantau Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) diunjurkan kepada purata 4.6% pada tahun 2015 dan 5.2% dalam tempoh 2016-20, didorong dengan pertumbuhan di Filipina dan Vietnam di antara ASEAN-5 dan di negara CLM (Kemboja, Laos dan Myanmar). Penggunaan sektor swasta akan menjadi penyumbang terbesar kepada pertumbuhan keseluruhan.

Bagi mengekalkan momentum yang kukuh ini, rantau ini perlu mengharungi pertumbuhan perlahan China, yang akan terus mempengaruhi prospek pertumbuhan di rantau ini, impak kepada pemulihan kewangan di Amerika Syarikat dan pertumbuhan produktiviti yang perlahan, kata Tinjauan tersebut.

Meningkatkan hubungan serantau boleh memainkan peranan utama dalam mengekalkan momentum pertumbuhan, ulas laporan tersebut, dalam bab khas mengenai topik ini.

"Rantau ini kekal terdedah kepada risiko domestik dan luaran. Bagi mengekalkan momentum pertumbuhan, memperkasakan hubungan serantau adalah penting. Kapasiti pemantauan dipertingkatkan melalui penunjuk yang lebih baik dan pembelajaran dengan rakan boleh menjadikan agenda serantau lebih berkesan dan membantu bergerak ke arah integrasi *global ASEAN*," kata Timbalan Setiausaha Agung OECD Rintaro Tamaki, semasa melancarkan Tinjauan tersebut pada Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN di Malaysia.

Skala dan skop koordinasi ini perlu dimaksimumkan pada kalangan negara, pada kalangan rantau dan sub-rantau. Tidak kurang pentingnya adalah mengintegrasikan hubungan ini pada peringkat ASEAN global, yang melibatkan kerjasama mendalam dengan ekonomi negara jiran. Mengikut Tinjauan ini, rangkaian hubungan yang kuat pada pelbagai peringkat adalah penting untuk pertumbuhan yang mampan, termasuk dengan mengambil langkah-langkah aktif untuk merealisasikan pasaran ekonomi.

Mengurangkan jurang yang menghalang pertumbuhan mampan dan terangkum adalah kritikal; kemiskinan berterusan dan keadaan infrastruktur yang tidak sekata di seluruh rantau memberi kesan kepada pembangunan. Negara-negara yang memerlukan tindakan utama termasuk Kemboja, Laos dan Myanmar.

"Pertumbuhan hijau serta sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan akan mendapat manfaat yang besar daripada agenda integrasi tersebut," kata Pengarah Pusat Pembangunan OECD Mario Pezzini.

Menghapuskan tarif dan halangan bukan ekonomi boleh menggalakkan integrasi dan memudahkan dagangan tenaga boleh diperbaharui yang mempunyai banyak permintaan. Tenaga hidro daripada Sungai Mekong, sebagai contoh, kekal sebagai sumber harapan untuk menjana kapasiti generasi masa hadapan untuk dieksport ke seluruh rantau. Begitu juga, dengan integrasi ekonomi yang lebih kuat, perniagaan tempatan akan memiliki peluang yang nyata untuk mengembangkan operasi mereka di luar sempadan negara dan berubah kepada pemain serantau atau *perusahaan ASEAN*, kata Tinjauan tersebut.

Merumus strategi pembangunan yang baharu bagi rantau ini akan perlu menggunakan pakej komprehensif atau pembaharuan bagi perusahaan kecil dan sederhana, kewangan, infrastruktur, pasaran buruh dan dasar alam sekitar selain juga dalam pertanian, pendidikan,

keselamatan sosial dan sektor pelancongan, mengikut nota dasar berstruktur Tinjauan mengikut negara.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Pusat Pembangunan OECD: Kensuke Tanaka, Ketua Bahagian Asia (Kensuke.Tanaka@oecd.org; Tel: +336 27 19 05 19) atau Bochra Kriout, Pegawai Media (Bochra.Kriout@oecd.org; Tel: +336 26 74 04 03)

Untuk maklumat lanjut mengenai Tinjauan Ekonomi bagi Asia Tenggara, China dan India 2016, dengan fokus dasar mengikut negara, sila lawati: <http://www.oecd.org/dev/asia-pacific/>.

Tinjauan ini menyumbang kepada *Program Serantau Asia Tenggara OECD*, dilancarkan pada Mesyuarat Majlis Menteri OECD 2014. Program ini bertujuan untuk memupuk pertukaran amalan baik dan pembelajaran bersama pada kalangan penggubal dasar dalam OECD dan negara-negara ASEAN.